

29 OCT 1999

Anwar-Nafi

ANWAR NAFI DAKWAAN MURAD

KUALA LUMPUR, 29 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim menafikan dakwaan bekas penolong gabenor Bank Negara Malaysia, Datuk Abdul Murad Khalid, terhadap dirinya yang dibuat dalam satu akuan berkanun semalam.

Murad, mendakwa antara lain bahawa Anwar, bekas timbalan perdana menteri dan menteri kewangan, mempunyai kira-kira 20 "akaun induk" bernilai RM3 bilion untuk digunakan bagi memajukan cita-cita politiknya (Anwar).

Beliau juga mendakwa secara peribadi mengetahui Anwar menerima RM50 juta daripada satu akaun dan hutang kroni-kroni Anwar diselesaikan dengan menggunakan keuntungan daripada urusan yang dibuat menerusi pengaruh Bank Negara.

Dalam satu kenyataan yang dibacakan kepada para wartawan oleh isterinya Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail di bangunan Mahkamah Tinggi di sini hari ini, Anwar menyifatkan dakwaan-dakwaan itu sebagai "tidak berasas dan cabul."

"Saya mengulangi permintaan supaya diwujudkan satu suruhanjaya siasatan bebas untuk menyiasat pengumpulan harta oleh para pemimpin termasuk pemimpin-pemimpin lepas," katanya.

"Cara memaksa pengakuan dibuat mengikut contoh regim Hitler dan Stalin kian menjadi di negara kita. Yang mutakhir melibatkan Datuk Murad.

"Fitnah demikian digunakan untuk menjejaskan imej musuh politik pemimpin Barisan Nasional.

"Ini juga adalah daya mengalihkan pandangan rakyat dari harta yang dirompak oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Tun Daim (Zainuddin) serta sekutu-sekutunya, sebahagiannya sepertimana yang telah saya buktikan dalam laporan polis dan di mahkamah.

"Saya menafikan sekeras-kerasnya tuduhan liar tanpa asas itu," katanya.

Anwar, 52, sedang dibicarakan bagi kes liwat di Mahkamah Tinggi. Beliau juga sedang menjalani hukuman penjara enam tahun setelah didapati bersalah terhadap empat kesalahan rasuah kerana menyalahgunakan kuasa.

Selepas Wan Azizah membacakan kenyataan itu di dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu, para wartawan mula bertanyakan soalan kepadanya tetapi beliau tidak melayannya.

Sebelum meninggalkan bangunan mahkamah itu, Wan Azizah memberitahu para wartawan bahawa akuan berkanun Murad itu tidak ada kena mengena dengan kes mahkamah Anwar yang berlangsung sekarang.

Sementara itu, timbalan presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Dr Chandra Muzaffar, yang turut dinamakan dalam akuan berkanun Murad, berkata beliau akan menyaman bekas penolong gabenor Bank Negara itu kerana fitnah.

Murad mendakwa Muzaffar dan Aliran, sebuah pertubuhan bukan kerajaan, menerima RM5 juta dari satu daripada akaun induk Anwar.

Dalam satu kenyataan di sini, Muzaffar berkata beliau atau Aliran tidak menerima sebarang wang daripada Anwar.

Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), yang dinamakan oleh Murad sebagai satu lagi pertubuhan yang menerima dana sulit itu, menafikan ia menerima sebarang sumbangan daripada akaun itu.

Pertubuhan itu juga sedang mendapatkan maklumat lanjut mengenainya sebelum menimbang mengambil sebarang tindakan undang-undang.

-- BERNAMA

SBB SJ NAK RON